



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 22/2010 (30 Mei hingga 5 Jun 2010)

Sejumlah 814 kes demam denggi dengan 3 kematian telah dilaporkan bagi tempoh 30 Mei hingga 5 Jun 2010, peningkatan sebanyak 25 kes (3%) berbanding 789 kes pada minggu sebelumnya. Enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Selangor (24 kes), Perak (16 kes), N.Sembilan (10 kes), Johor (6 kes), Sabah (4 kes) dan WP Kuala Lumpur/Putrajaya (2 kes) seperti di lampiran A.

Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 20,418 kes berbanding 22,426 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009. Walaupun bilangan kes menurun sebanyak 9% pada tahun ini, namun bilangan kematian meningkat 12% dari 57 kematian tahun lepas kepada 64 kematian dalam tempoh yang sama tahun ini.

Tiga (3) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas adalah 2 dari Johor dan 1 dari Sarawak. Ketiga-tiga kes kematian ini disebabkan oleh *Dengue Shock Syndrome*. Penyiasatan mendapati persekitaran kawasan tempat tinggal pesakit tidak bersih dan mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi, faktor penyebab penularan denggi. Satu (1) daripada kawasan ini adalah kawasan *hot spot*, dengan jumlah kes sebanyak 17 kes.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 24 kawasan *hot spots* yang masih aktif dan bilangannya tidak berubah berbanding minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor dan N.Sembilan (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 12 kawasan masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi dan hanya 4 (17%) dari 24 lokaliti *hot spots* melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut (Lampiran D). Ketidakhendak masyarakat untuk mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan *hot spots* akan menyebabkan penularan penyakit demam denggi akan berterusan dan meningkatkan risiko jangkitan denggi di kalangan penduduk setempat. Untuk makluman, satu kematian denggi yang berlaku pada minggu lepas adalah berlaku di salah satu lokaliti *hot spots* iaitu Taman Mawar, Johor.

Masyarakat perlu diingatkan bahawa perkara utama dalam mencegah penularan demam denggi adalah pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar kediaman dan juga tempat kerja masing-masing. Aktiviti semburan kabus yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan hanya membunuh nyamuk dewasa dan tidak membunuh jentik-jentik yang akan menjadi nyamuk dewasa dalam tempoh 7 hari dan berupaya menyebarkan penyakit ini. Oleh itu, masyarakat setempat di kawasan bermasalah denggi disarankan agar bekerjasama memastikan kediaman dan tempat kerja mereka bebas dari pembiakan nyamuk Aedes melalui aktiviti gotong-royong serta meluangkan masa 10 minit seminggu memeriksa rumah masing-masing. Pemimpin masyarakat setempat juga diseru untuk mengambil inisiatif menggerakkan masyarakat setempat kearah tersebut.

Bagi memberi kesedaran dan tindakan berterusan orang ramai dalam aspek pencegahan demam denggi, Kementerian Kesihatan terus

menjalankan aktiviti penyaluran maklumat yang berterusan dari masa ke semasa. Sehingga 5 Jun 2010, sebanyak 745 aktiviti gotong-royong telah dilaksanakan, 1,496 ceramah telah dijalankan dan sebanyak 1,883,386 risalah telah diedarkan diseluruh negara. Sempena cuti sekolah yang telah bermula ini, orang ramai yang akan meninggalkan rumah untuk pergi bercuti dinasihat supaya memastikan tiada bekas air yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes di rumah mereka.

Bagi orang ramai yang mengalami gejala demam denggi hendaklah segera pergi berjumpa dengan doktor di klinik atau di hospital berhampiran agar komplikasi dan kematian akibat demam denggi dapat dielakkan. Para pengamal perubatan diminta merujuk pesakit ke hospital dengan segera bagi kes demam denggi yang mempunyai tanda-tanda amaran awal seperti sakit perut, kerap muntah, pening atau gelisah, pucat, sesak nafas dan menunjukkan gejala pendarahan.

Bagi tempoh 30 Mei hingga 5 Jun 2010, sejumlah 3 kes penyakit Chikungunya dilaporkan berbanding 3 kes pada minggu sebelumnya. Tiga (3) kes yang dilaporkan adalah 2 dari Johor dan 1 kes di Sarawak. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 561 kes berbanding 2,607 kes, penurunan sebanyak 2,046 kes (78%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

7 Jun 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 22/2010  
(30 Mei hingga 5 Jun 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 22/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 22/2009
		Minggu 22 (30 Mei – 5 Jun 2010)	Minggu 21 (23 – 29 Mei 2010)		
1	Perlis	2	3	63	115
2	Kedah	25	33	333 (2)	460
3	P. Pinang	21	21	486 (2)	1,380
4	Perak	54	38	784 (2)	1,848 (1)
5	Selangor	311	287	9,375 (29)	11,684 (39)
6	WPKL & Putrajaya	83	81	2,314 (4)	2,013 (7)
7	N. Sembilan	50	40	967 (4)	446 (5)
8	Melaka	14	17 (1)	247 (4)	308
9	Johor	96 (2)	90	1,391 (6)	1,304 (2)
10	Pahang	27	34	527 (1)	423 (1)
11	Terengganu	11	15	406	549
12	Kelantan	33	45	573 (2)	628
13	Sarawak	44 (1)	46	2,081 (7)	790
14	Sabah	43	39	863 (1)	459 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	19
	<b>Jumlah</b>	<b>814 (3)</b>	<b>789 (1)</b>	<b>20,418 (64)</b>	<b>22,426 (57)</b>

Nota: ( ) Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 22/2010  
(30 Mei hingga 5 Jun 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 22/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 22/2009
		Minggu 22 ( 30 Mei – 5 Jun 2010)	Minggu 21 ( 23 – 29 Mei 2010)		
1	Perlis	0	0	0	26
2	Kedah	0	0	0	717
3	P. Pinang	0	0	3	146
4	Perak	0	0	3	338
5	Selangor	0	0	22	373
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	85
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	2	0	3	130
10	Pahang	0	0	1	66
11	Terengganu	0	0	1	46
12	Kelantan	0	0	2	350
13	Sarawak	1	2	508	295
14	Sabah	0	1	10	4
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>561</b>	<b>2,607</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU  
22/2010**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	72	111
2	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	29	90
3	SELANGOR	MPKJ	Taman Koperasi LLN	9	58
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	16	58
5	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	23	55
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin (2)	14	55
7	SELANGOR	MPKJ	Taman Putra	13	46
8	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	17	46
9	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata(Zon c)	11	43
10	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	18	40
11	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	5	34
12	SELANGOR	MPS	Rawang Integrated	9	33
13	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi (3)	8	33
14	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Tasik Kesuma (3)	8	32
15	SELANGOR	MBPJ	Apartment Harmoni PJU 10	8	30
16	WPKL	Cheras	Desa Tasik (Polis)	18	65
17	WPKL	Cheras	Bandar Tun Razak (Apartment Lumayan)	10	40
18	WPKL	Setapak	Taman Setapak (Jalan Bakubang,Tioman)	10	53
19	WPKL	Kepong	Quarters Kerajaan Jalan Duta	20	56
20	WPKL	Kepong	Jinjang Utara R/P Jg Kawasan D Jalan 1/16C-12/16C	7	36
21	JOHOR	MPPG	Taman Mawar, Pelentong	16	62
22	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	10	41
23	JOHOR	MPPG	Taman Scientex Jalan Helang	5	30
24	N.SEMBILAN	Seremban	Flat Dahlia Seremban 2	19	55

## Lampiran D

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 22/2010  
(30 Mei hingga 5 Jun 2010)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	WP KL	Setapak	Taman Setapak (Jalan Bakubang, Tioman)	12.0	12
2	WP KL	Kepong	Quarters Kerajaan Jalan Duta	9.0	9
3	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	7.3	7
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon C)	6.4	9
5	JOHOR	MPPG	Taman Scientex Jalan Helang	4.2	4
6	N. SEMBILAN	Seremban	Flat Dahlia Seremban 2	4.1	4
7	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	4.0	4
8	SELANGOR	Gombak	Kg. Changkat	3.2	3
9	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi (3)	2.9	3
10	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin (2)	2.6	3
11	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	1.9	4
12	SELANGOR	MBPJ	Apartment Harmoni PJU 10	1.2	1